

MELAKA

SEMUA pementing ceria
bersama-hudlahir dimentang.



Kebanggaan USPTNM

Noratiqah juara keseluruhan kategori recurve wanita Kejohanan Memanah Dalam Dewan



**AKSI
SETEMPAT**

Arena mengalau-alukan sebarang aktiviti sukan di pelbagai peringkat untuk disiarkan di akhbar ini pada setiap Isnin. Artikel serta gambar boleh dihantar ke sukan@mediaprima.com.my.

Oleh Nazri Abu Bakar
sukan@hmetro.com.my

Melaka

Pemanah Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri Melaka (USPTNM) Noratiqah Azizi, 18, muncul juara keseluruhan kategori recurve wanita pada Kejohanan Memanah Dalam Dewan Piala Ketua Menteri Melaka di Dewan MSN/MBMB Ayer Keroh, baru-baru ini.

Kejohanan julung kali diadakan itu menyaksikan



AKSI peserta ketika kejohanan.

dia turut menjuarai acara recurve individu mewaskan Nurul Ain Hussin, juga dari Melaka dengan 7-1.

Dalam acara berpasukan wanita, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dibarisi Siti Fatimah Abd Karim, Julihartati Zulkipli dan

Siti Sholeha Yusof muncul juara menewaskan skuad tuan rumah Nur Atiqah Azizi, Nurul Ain Husin dan Afidiansyah Saleh.

Muhd Juwaidi Abdullah (Melaka) menjuarai acara lelaki Individu apabila mengumpul 579 mata, diikuti Khairul Faizli Abdullah dari KMSJ dan ketiga Mohd Noor Mohamad (Melaka).

Dalam acara berpasukan atlet tuan rumah dibarisi Juwaidi, Mohd Noor dan Nor Faiz hanya menduduki tempat ketiga selepas tersingkir kepada KMSJ (juara) dan UPM (naib juara).

Seramai 181 peserta menyertai kejohanan anjuran MSN dan Persatuan Memanah Negeri Melaka (PMNM) itu termasuk dalam novis, recurve dan compound lelaki dan wanita.

FAKTA

Seramai 181 peserta menyertai kejohanan anjuran MSN dan PMNM